

Headline **73 peratus jemaah haji kita di tanah suci**
Date **01 Nov 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **5**
Article Size **93 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,212**
PRValue **3,635**



73% jemaah haji kita di tanah suci

MEKAH 31 Okt. – Kesemua 26,000 jemaah haji Malaysia yang akan menunaikan fardu haji musim 1431 Hijrah ini dijangka berada di tanah suci Mekah pada 9 November ini.

Menurut Timbalan Ketua Rombongan Haji, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman, 73 peratus daripada mereka sudah berada di Mekah dan Madinah sehingga semalam.

“Penerbangan terakhir dijangka tiba di Jeddah pada 9 November ini dan mereka akan menaiki bas terus ke Kota Mekah kira-kira 70 kilometer,” katanya kepada pasukan media Tabung Haji (TH) yang membuat liputan musim haji ini.

Beliau berkata, penerbangan terakhir membawa jemaah haji yang akan tinggal di Madinah selama lapan hari sebelum memasuki Mekah, tiba di lapangan terbang di Madinah, semalam dan selepas ini semua penerbangan akan terus ke Jeddah.

“Dari 73 peratus yang tiba, cuma 15 peratus masih berada di Madinah.

Perjalanan mereka ke Mekah dengan bas sejak rombongan pertama tiba 9 Oktober lepas berjalan dengan lancar,” kata Syed Saleh yang juga Pengurus Besar Kanan Jabatan Kewangan Korporat & Perkhidmatan TH.

Mengenai penambahbaikan perkhidmatan untuk jemaah haji, beliau berkata, TH memperkenalkan program Sahabat TH dengan memilih 20 jemaah yang memenuhi kriteria antaranya sihat dan berpengalaman bagi membantu petugas agensi itu.

“Sahabat TH antaranya berperanan memberi maklum balas tentang perkhidmatan, sajian makanan, kualiti petugas serta memberi penerangan dan membantu pergerakan jemaah ke Arafah, Mina dan Muzdalifah,” kata Syed Saleh.

– BERNAMA